

**MERBAH BERSISIK**  
Scaly-breasted Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae  
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus squamatus*



**CIRI-CIRI:** Individu dewasa bagi sub-spesies *P.s.weberi*, ia mempunyai saiz yang kecil di mana bahagian kepala berwarna hitam manakala bahagian rengkong berwarna putih. Pada bahagian dada dan sisi badan yang berwarna putih, terdapat jalur-jalur yang berwarna hitam. Individu ini mempunyai bahagian pangkal bawah ekor yang berwarna kuning manakala bahagian ekor berwarna hitam dan terdapat warna putih pada bahagian hujungnya. Individu juvenil bagi spesies ini belum lagi didokumentasi sepenuhnya. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 14 hingga 16 sm.

**MAKANAN:** Makanan utama terdiri daripada serangga-serangga dan buah-buahan yang bersaiz kecil termasuklah nektar dan tunas tumbuhan.

**HABITAT:** Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap pada ketinggian sehingga ke 1,000 m dari aras laut dan selalunya dijumpai di kawasan kanopi pokok.

**BUNYI:** Burung ini mengeluarkan siri bunyi yang tajam, tinggi serta decingan bunyi dengan nota *wit* atau *tit*.

**PEMBIAKAN :** Spesies ini membina sarang sepertimana spesies Merbah, *Pycnonotus spp.*, yang lain di mana telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji.

**STATUS:** Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.  
IUCN, hampir terancam.